



- Tuanku Nur Zahirah Dimasyhur Canselor UniSZA
- Unisza Agensi Terbaik Fasa II SAGA
- *Dioscorea hispida* Dennst. (*Dioscoreaceae*): An Overview
- The Hornbills of Terengganu

Kandungan

	Halaman
Tuanku Nur Zahirah Dimasyhur Canselor UniSZA	3
UniSZA Agensi Terbaik Fasa II SAGA	4
Seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-Kanak Ke-2	5
Syarahan/Ceramah/Forum Akademik	6
Bengkel	9
Hari Penyelidikan UniSZA 2010	11
Dioscorea hispida Dennst. (Dioscoreaceae): An Overview	12
Bersama Pendaftar	14
Perjanjian Persefahaman UniSZA-Kerajaan Negeri Terengganu	16
Memorandum Perjanjian UniSZA-INCEIF	17
Lawatan Akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam	17
Sekitar Majlis Pemasyhuran Tuanku Canselor dan Konvokesyen Ke-2	18
MoU UniSZA-Universiti Mu'tah	20
MoU UniSZA-Universiti Yarmouk	20
MoU UniSZA-WISE	20
Lawatan Semakan Keserakahan	21
Mesyuarat Ahli-ahli Lembaga	21
Pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Kepujian	21
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	21
Aktiviti Pelajar	22
The Hornbills of Terengganu	32
Hari Melihat Anak Bulan Syawal 1431H	34
Graduan Konvokesyen Kedua Universiti Sultan Zainal Abidin, 26-27 Julai 2010	35
Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Jilid 3	36



- Hak Cipta Terpelihara © 2010. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pusat Penerbitan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.



Tuanku Nur Zahirah Dimasyhur Canselor UniSZA

Tanggal 26 Julai 2010 merupakan tarikh bersejarah dan bermakna bagi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana pada tarikh tersebut Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah dimasyhurkan sebagai Canselor UniSZA pada Istiadat Pemasyhuran dan Konvokesyen kali kedua. Istiadat pemasyhuran tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah yang membacakan watikah sebelum menyerahkan kepada Tuanku Canselor di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA, Kampus Gong Badak. Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Yang Dipertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin. Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh Menteri Besar, Dato' Ahmad Said dan isteri, Toh Puan Norliza Mahmud, para pembesar dan kenamaan negeri, Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud dan Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Dato' Zolkipli Abdul.

Dalam titah ucapan pemasyhuran dan pembukaan istiadat konvokesyen itu, Tuanku Nur Zahirah menyeru agar rakyat meyakini bahawa kemajuan bangsa dan negara terletak pada kecemerlangan ilmu. Titah baginda, moto UniSZA iaitu ‘Ilmu Demi Faedah Insan’ menepati hala tuju pembangunan negara berdasarkan pengetahuan dan inovasi serta pembangunan modal insan. “Beta yakin UniSZA akan menjadi salah satu peneraju utama sumber modal insan yang berkualiti serta mampu bersinar sebagai pusat kepakaran dan kecemerlangan ilmu yang terbilang di rantau ini. Bagaimanapun, sebagai sebuah universiti baru, seluruh warga UniSZA perlu berusaha lebih gigih,

mengamalkan sifat dinamik dan sentiasa berfikir di luar lingkungan tradisi ke arah pencapaian yang lebih mantap dan matang,” titah baginda.

Baginda juga mengingatkan para graduan agar tidak lupa untuk menyumbang kembali kepada universiti dalam apa jua cara sekalipun bagi menjamin kesinambungan UniSZA mendidik anak bangsa secara berterusan. Istiadat konvokesyen kali kedua ini menyaksikan seramai 1,003 orang graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.





Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah dipilih untuk menerima Anugerah Agensi Terbaik Fasa II Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (ANM). Anugerah itu adalah hasil komitmen dan kesungguhan kakitangan UniSZA terutama Jabatan Bendahari dalam memastikan pelaksanaan sistem berkenaan berjalan lancar dan efisien. Pada peringkat awal, mereka turut berhadapan dengan beberapa masalah seperti kehilangan data-data kewangan dan maklumat yang dijana tidak sama dengan apa yang diprogram. Namun, hasil kerjasama dengan pihak berkaitan masalah yang dihadapi mampu diselesaikan.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Dato' Mohd Salleh Mahmud, Akauntan Negara Malaysia kepada

Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud pada majlis Penyerahan Projek & Anugerah Agensi Terbaik SAGA di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak pada 15 Julai 2010. Sementara itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah dipilih untuk menerima Anugerah Agensi Terbaik Fasa III dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) pula menerima Sijil Pematuhan SAGA. Pada majlis itu juga, Dato' Mohd Salleh telah menyerahkan projek SAGA kepada 25 agensi Badan Berkanun Persekutuan dari seluruh Malaysia. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengurus Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UniSZA, Dato' Zolkifli Abdul, ahli LPU, Profesor Dr. Rujhan Mustafa dan Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UniSZA, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad.





Seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-Kanak ke-2

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan Sekretariat Kebajikan Wanita Malaysia telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-Kanak ke-2 bertemakan ‘Hak Kanak-kanak: Isu-isu Terkini dan Cabaran Masa Depan’. Seminar ini berlangsung di ISM pada 2-3 Oktober 2010.



Seminar ini dirasmikan oleh Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri di KPWK pada 2 Oktober 2010. Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud telah hadir untuk menyampaikan kata-kata aluan selaku wakil penganjur. Majlis ini turut dihadiri oleh Pengurus LPU UniSZA, Dato' Zolkipli Abdul, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, Tan Sri Dato' Bentara Nik Hashim Nik Abdul Rahman (Profesor Adjung FUHA), Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha KPWK, Dato' Hj Mazlan Ngah (Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu), Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din (pengarah ISM), Puan Noraida Harun (Dekan FUHA), pegawai-pegawai tertinggi KPWK, dekan-dekan UniSZA, kakitangan serta para pelajar FUHA dan ISM.



Seminar ini dianjurkan dengan tujuan untuk memberi kesedaran dan meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu kanak-kanak terkini di samping membuka ruang perbincangan bagi mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Sebanyak empat ucapan utama dan 60 kertas kerja telah dibentangkan oleh pembentang-pembentang dari pelbagai institusi merangkumi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Peguam Negara dan sebagainya.

Syarahan Akademik

‘Sistem Upah dan Kebajikan Pekerja dalam Sektor Perkhidmatan Awam di Malaysia’

Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam telah mengadakan syarahan akademik pada 10 Oktober 2010, bertempat di Bilik Persidangan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak. Syarahan akademik bertajuk ‘Sistem Upah dan Kebajikan Pekerja dalam Sektor Perkhidmatan Awam di Malaysia’ telah disampaikan oleh Profesor Dr. Kamaruddin M. Said dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dalam syarahan berkenaan, Profesor Dr. Kamaruddin menjelaskan bahawa kebijakan pekerja adalah satu konsep yang dinamis dan telah lama wujud dalam sejarah wacana berkaitan sistem hubungan perusahaan di bawah kapitalisme dan dalam agenda mengenai pembinaan struktur perjawatan, upah, ganjaran perjawatan dan ganjaran dalam perkhidmatan awam di Malaysia bertanggungjawab membentuk serta meneruskan struktur ketaksamaan sosial dari segi kelas, status dan

peluang, namun sistem ini memberi peluang kepada para pekerja untuk mengecap mobiliti kerjaya dalam usaha dan kebolehan yang berpatutan. Sistem penjawatan dan upah di IPTA juga perlu difahami dalam konteks yang sama. Program syarahan akademik berkenaan dihadiri seramai 100 peserta yang terdiri daripada Dekan FKI, Ketua Jabatan, para pensyarah dan para pelajar Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Dakwah.

Objektif utama program syarahan akademik yang diadakan oleh Jabatan Sains Sosial, FKI adalah untuk mengetengahkan jabatan ini sebagai satu institusi yang proaktif untuk membincarkan persoalan kebijakan pekerja pada abad ke-21. Objektif kedua adalah untuk mewujudkan jaringan dengan tokoh-tokoh intelektual awam serta memberikan pendedahan kepada ahli akademik dan mahasiswa/i mengenai wacana ilmu kebijakan pekerja dalam sektor awam di Malaysia.

Syarahan Akademik

‘Pemikiran dan Permasalahan’

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah menganjurkan satu syarahan akademik bertajuk ‘Pemikiran dan Permasalahan’. Syarahan ini disampaikan oleh Profesor Dr. Sam Imbo, Profesor dari Universiti Hamline, Minnesota pada 4 Ogos 2010 bertempat di Bilik Persidangan. Profesor Dr. Sam Imbo merupakan seorang pensyarah falsafah dan Pengarah Program Pengajian African American di Universiti Hameline, Minnesota dan beliau telah berkhidmat sebagai tenaga pengajar di universiti tersebut sejak tahun 1996. Beliau mengajar, menulis dan membuat kajian mengenai bidang perbandingan falsafah, falsafah Afrika serta falsafah sosial dan politik. Beliau telah menulis dua buah buku yang berjudul *An Introduction to African Philosophy* (1998) dan *Oral Traditions as Philosophy: Okot P'Bitek Legacy for African Philosophy* (2002) yang telah diterbitkan oleh Penerbit Rowman & Littlefield.

Menurut Profesor Dr. Sam Imbo, semua orang berfikir tetapi tidak semua orang berfikir dengan cara yang sama dan ahli antropologi terdahulu percaya bahawa agama, bangsa, budaya malahan negara memiliki ciri-ciri pemikiran mereka tersendiri. Ini menunjukkan bahawa agama, bangsa dan budaya serta negara juga tidak mempengaruhi cara orang ramai berfikir tetapi mempengaruhi sikap dan kaedah yang bakal diambil. Hanya secara tidak langsung agama, bangsa, budaya dan negara mempengaruhi isi fikiran kita. Syarahan akademik ini membuka ruang dan peluang bagi setiap individu mengenal pasti sama ada sikap dapat membantu dalam berfikir secara jelas atau tidak dan pelbagai cara dapat digunakan untuk menyelesaikan setiap perselisihan faham.



Syarahan Akademik

‘Siapakah Sebenarnya Salafiyyah?’

Jabatan Usuluddin dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Inovasi UniSZA telah menganjurkan syarahan akademik pada 5 Ogos 2010. Syarahan yang disampaikan oleh Ustaz Hj Salahuddin Azarai dari Yayasan al-Sofa, Negeri Sembilan ini dilangsungkan di Dewan al-Muktafi Billah Shah, Kampus Gong Badak. Isu yang dikupas dalam syarahan akademik kali ini bertajuk ‘Siapakah Sebenarnya Salafiyyah’ yang bertujuan membincangkan isu-isu berkaitan salafiyyah dahulu dan kini, di samping memberi penjelasan tentang isu-isu semasa dalam aliran salafiyyah dan mewujudkan jalinan percambahan idea antara masyarakat luar dengan warga institusi pengajian tinggi dalam memahami ilmu-ilmu Islam.

Program yang berlangsung selama tiga jam ini dihadiri oleh 700 orang mahasiswa-mahasiswi Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dan para pensyarah dari semua fakulti di UniSZA. Dekan FKI, Profesor Dr. Abdul Hadi Zakaria dalam ucapan perasmianya menyatakan bahawa beliau memang memberi sokongan padu kepada program-program fakulti khususnya program berbentuk akademik. Ini kerana program-program berbentuk ilmiah sebegini dapat membuka ruang dan peluang kepada mahasiswa-mahasiswi supaya berfikiran lebih terbuka terhadap isu-isu semasa. Syarahan akademik ini telah mendapat reaksi positif daripada para peserta berdasarkan borang penilaian yang diedarkan.



Ceramah Akademik

Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan

Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan telah menjemput Profesor Dr. Mohammad Kabir Hassan dari University of New Orleans, Louisiana, Amerika Syarikat untuk menyampaikan Ceramah Akademik pada 12 Ogos 2010. Ceramah ini telah dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi bersama pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian dan sesi bersama pensyarah FPPP. Sesi bersama pelajar telah diadakan pada pukul 11.00 pagi hingga 12.30 tengahari bertempat di Bilik Persidangan, UniSZA Kampus Gong Badak. Beliau telah menyampaikan ceramah bertajuk ‘Determinants of Corporate Social Responsibility Disclosure: The Case of Islamic Banks’. Sesi bersama pensyarah FPPP pula

telah diadakan pada pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Blok Hafsa. Beliau telah menyampaikan ucapan bertajuk ‘How to Publish in Reputable Journal’ yang bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta bagaimana menerbitkan sebuah rencana jurnal yang berkualiti. Kedua-dua sesi ini telah banyak memberi input yang bermanfaat kepada para peserta kerana penceramah sudi berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau dalam menghasilkan penerbitan jurnal yang berkualiti. Diharap sesi perkongsian ilmu seumpama ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga FPPP dan majlis ilmu seperti ini dapat sentiasa diadakan setiap masa.

Ceramah Kerjaya **‘Kerjaya Akauntan Negara: Peranan dan Cabaran Masa Kini’**

Pada 9 Ogos 2010, Jabatan Perakaunan Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) telah menganjurkan satu ceramah kerjaya bertempat di Bilik Persidangan UniSZA, Kampus Gong Badak. Ceramah bertajuk ‘Kerjaya Akauntan Negara: Peranan dan Cabaran Masa Kini’ ini disampaikan oleh penceramah yang dijemput khas daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Negeri Terengganu iaitu Encik Fauzi Mamat. Program ini mempunyai empat objektif utama iaitu menyalurkan maklumat dan peluang kerjaya dalam pasukan Akauntan Negara, mendedahkan peranan, tugas dan cabaran kerjaya sebagai akauntan dalam pasukan Akauntan Negara Malaysia, memperkenalkan Program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian UniSZA kepada Jabatan Akauntan Negara serta mewujudkan hubungan secara langsung antara industri sektor awam, iaitu antara Jabatan Akauntan Negara dengan UniSZA. Penganjuran program sebegini merupakan salah satu strategi penting bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kerjaya yang akan diceburi sebaik tamatnya pengajian kelak.



Forum Akademik

‘Peluang Perniagaan dan Isu Kontemporari dalam Industri Perkhidmatan Insurans dan Takaful’

Menyedari betapa pentingnya usaha untuk membangunkan budaya usahawan di kalangan mahasiswa/i Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) telah menganjurkan satu forum akademik bertajuk ‘Peluang Perniagaan dan Isu Kontemporari Perkhidmatan Insurans dan Takaful’. Forum yang diadakan pada 5 Ogos 2010 bertempat di Dewan Kuliah Utama (DKU), UniSZA Kampus Gong Badak ini diadakan khusus untuk memberi pendedahan kepada para pelajar Jabatan Kewangan dan Perbankan, terutamanya para pelajar jurusan insurans tentang perlunya mengambil peluang perniagaan dalam industri perkhidmatan insurans dan takaful. Para ahli panel forum ini terdiri daripada wakil Motordata Research Konsortium Sdn Bhd, wakil Etiqa Takaful Berhad dan wakil Allianz Malaysia Berhad untuk memperincikan kepentingan dan kelebihan industri perkhidmatan insurans dan takaful pada masa kini. Forum ini juga turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada industri perbankan dan organisasi terlibat, pensyarah dan kakitangan pentadbiran fakulti. Peserta forum turut diberi peluang untuk mengemukakan soalan dan pendapat dalam sesi soal jawab bersama dengan ahli panel.



Bengkel Penyeliaan Pascasiswazah

Pada 25-26 September 2010, bertempat di Bilik Persidangan UniSZA Kampus Gong Badak, Pusat Pengurusan Pascasiswazah (PPP) dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPPP), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah menganjurkan Bengkel Penyeliaan Pascasiswazah. Bengkel yang dirasmikan oleh Pendaftar UniSZA, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar telah disertai oleh hampir 40 orang peserta.

Bagi menjayakan bengkel berkenaan, empat orang penceramah jemputan telah diundang untuk menyampaikan taklimat. Para penceramah tersebut terdiri daripada Prof. Dr. Fauzias Mat Nor dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datin Dr. Hasnah Haron dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Zulkifli A. Manaf (UniSZA) dan Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah dari Universiti Malaya (UM). Bengkel ini diadakan dengan tujuan untuk memberi panduan kepada para penyelia untuk menyelia pelajar pascasiswazah disamping menanam sikap prihatin terhadap pelajar di bawah seliaan mereka. Bengkel ini juga memberi pendedahan kepada penyelia tentang kepentingan memantau kemajuan pelajar dari semasa ke semasa serta memberi penekanan terhadap kaedah penilaian tesis dan pengendalian Viva-voce.

Bengkel Penyembelihan Halal 2010

Bengkel Penyembelihan Halal 2010 telah dianjurkan oleh Pusat Pengembangan & Khidmat Komuniti, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Fakulti Teknologi Makanan UniSZA, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu (JPVTRG), Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Bengkel yang berlangsung pada 19 dan 20 Oktober 2010 ini disertai oleh 39 orang peserta terdiri dari JHEAT dan JPVTRG. Majlis diisi dengan tiga sesi ceramah dimulakan oleh wakil UniSZA, Prof. Madya Dr. Mohamad Aziz Haji Taib dengan ceramah bertajuk 'Kebajikan Haiwan dalam Penyembelihan Halal'. Manakala ceramah kedua berkaitan 'Penyembelihan Halal dan Isu-Isu Semasa Penyembelihan Halal' telah disampaikan oleh wakil JHEAT, Ustaz Mokhtar Salleh dan Dr. Siti Nurulasyikin Zaiton dari JPVTRG menyampaikan ceramah bertajuk 'Post Mortem dan Hubungan dengan Kesihatan Awam'.

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai proses dan konsep pengurusan penyembelihan halal selain menambah pengetahuan serta kemahiran asas dalam penyembelihan haiwan mengikut hukum syarak. Ujian praktikal penyembelihan ayam dilakukan di Makmal Pemprosesan Makanan, Fakulti Teknologi Makanan. Sementara itu praktikal penyembelihan lembu dan kambing dilakukan di Rumah Sembelih Kg. Serating, Merchang dan para peserta dinilai oleh panel dari JHEAT. Perasmian penutup bengkel dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Mat Zakaria, Dekan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi, UniSZA yang turut dihadiri oleh wakil Pesuruhjaya JHEAT, wakil Pengarah Eksekutif MAIDAM, dan wakil pengarah JPVTRG.

Penganjuran bengkel ini diharapkan dapat menyalurkan maklumat berkaitan konsep dan sains penyembelihan halal, kepentingan penyembelihan halal dalam konteks kesihatan umum veterinar serta teknologi semasa penyembelihan halal di Malaysia. Disamping itu juga dapat mewujudkan jalinan kerjasama antara UniSZA dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat luar.

Bengkel Peningkatan Kebolehpasaran Graduan UniSZA

Susulan saranan Pengurus Lembaga Pengurusan Universiti (LPU), Dato' Zolklipli Abdul untuk memastikan graduan UniSZA mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi serta mampu menyediakan 'Business Plan', Pusat Pembangunan Akademik (CAD) telah menganjurkan satu Bengkel Peningkatan Kebolehpasaran pada 3 Julai 2010 bertempat di Bilik Persidangan, UniSZA, Kampus Gong Badak. Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil fakulti telah menghadiri bengkel berkenaan. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang mempunyai impak signifikan terhadap kemahiran generik graduan. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk mencari kaedah pelaksanaan terbaik bagi aktiviti tersebut serta menjadualkan pelaksanaannya. Bengkel ini juga bertujuan untuk mencari kaedah paling efektif untuk menerapkan kemahiran dan kebolehan untuk menyediakan dan melaksanakan 'Business Plan' serta menentukan kaedah penilaian yang progresif kepada setiap atribut yang dinyatakan.





Bengkel Latihan Falak (Arah Kiblat)

Unit Falak, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dengan kerjasama Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Bengkel Latihan Falak (Arah Kiblat) untuk kakitangan pejabat mufti tersebut selama empat hari bermula 14 hingga 17 Jun 2010. Bertempat di Balai Cerap, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Merang, Setiu, bengkel ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan Unit Falak UniSZA. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan disamping meningkatkan kemahiran para peserta mengenai kaedah-kaedah pengukuran Arah Kiblat yang lebih berkesan.

Program-program yang diatur semasa bengkel ini berjalan dapat memberikan pendedahan dan gambaran kepada para peserta akan situasi sebenar semasa menjalankan kerja-kerja pengukuran arah kiblat semasa di lapangan. Selain itu, para peserta berpeluang untuk saling berkongsi pengalaman dan idea dalam melaksanakan tugas-tugas pengukuran arah kiblat. Bengkel ini telah dihadiri oleh 10 orang pegawai daripada Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.



Bengkel CME

Bagi meningkatkan pengetahuan dalam pengimajian trauma seiring dengan proses pembelajaran berterusan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan bengkel 'Local Preceptor Workshop & Continuous Medical Education (CME): Knowledge & Skill in Trauma Imaging' pada 2 dan 3 Oktober 2010. Selain daripada objektif tersebut, bengkel yang diadakan di Dewan Teater, UniSZA Kampus Kota turut bertujuan untuk menyelaraskan sistem penilaian, pengetahuan dan skop tugas penyelia klinikal dan penyelia akademik UniSZA.

Bengkel ini dihadiri oleh 38 orang peserta dari pelbagai agensi dan telah dirasmikan oleh Dekan FPSK, Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif. Bengkel ini menjadi platform perbincangan, perkongsian dan pencetus idea di kalangan para penyelia disamping mengeratkan silaturrahim dan kerjasama antara mereka.



Bengkel Pensyarah FKI Bersama Editor Jurnal 2010

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UniSZA telah menganjurkan bengkel Pensyarah FKI Bersama Editor Jurnal 2010 pada 1 Ogos 2010 bertempat di Bilik Mesyuarat FKI. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pensyarah tentang prosedur penerbitan khususnya untuk menerbitkan artikel dalam jurnal tempatan dan antarabangsa. Seramai 35 orang pensyarah yang menyertai bengkel ini berpeluang mendapat maklumat dan strategi untuk menerbitkan rencana dalam jurnal tempatan dan antarabangsa daripada penceramah jemputan, Profesor Dr. Tengku Ghani Tengku Jusoh iaitu Profesor di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bengkel ini berakhir pada jam 1.00 tengah hari selepas ucapan penutup dan penyampaian cenderamata oleh Profesor Dr. Abdul Hadi Zakaria, Dekan FKI.



Hari Penyelidikan UniSZA 2010

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan Hari Penyelidikan UniSZA 2010 bertemakan 'Penyelidikan dan Inovasi Demi Faedah Insan' pada 12 dan 13 Oktober 2010. Acara yang julung kali diadakan selama dua hari itu melibatkan penyertaan daripada 200 pensyarah dan penyelidik UniSZA yang mengambil bahagian dalam pertandingan poster hasil penyelidikan. Selain itu, Forum Penyelidikan, Penyampaian Anugerah Penerbitan dan Anugerah Ulul Albab turut diadakan. Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UniSZA, Profesor Dr. Abdul Manaf Ali manakala majlis penyampaian anugerah dan penutup disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud. Menurut Pengarah PPPI, Prof. Madya Dr. Mohamed Senawi Mohamed Tamin, bagi sebuah institusi pengajian tinggi seperti UniSZA, hasil kajian berkaitan semestinya menjadi lebih bermakna jika ianya dapat didedahkan kepada orang ramai, sama ada sebagai pertukaran maklumat, mempertingkatkan ilmu pengetahuan mahu pun untuk diaplikasikan dalam pelbagai aspek yang berkaitan.

Hari Penyelidikan yang dilaksanakan ini merupakan satu wadah bagi merealisasikan perkara berkenaan. "Sehubungan itu, Hari Penyelidikan ini akan dijadikan acara tahunan", katanya. Beliau amat kagum dengan kemajuan yang pesat serta kesungguhan para penyelidik UniSZA walaupun baru ditubuhkan beberapa tahun yang lepas. "Hasil atau dapatan kajian yang dijalankan merupakan satu input penting dalam konteks perkembangan sesuatu bidang ilmu. Lebih-lebih lagi jika hasil berkenaan merupakan penemuan baru dalam bidang kajian berkaitan", katanya. Beliau berkata melalui acara seperti ini para penyelidik berpeluang membina jaringan dengan tetamu jemputan daripada industri dan agensi yang menyediakan dana penyelidikan serta organisasi-organisasi lain. "PPPI akan sentiasa memberi dorongan kepada para pensyarah untuk menjalankan penyelidikan sebagai sebahagian daripada kegiatan akademik," katanya.

Dioscorea hispida Dennst. (Dioscoreaceae): An Overview

Nashriyah Mat, Nornasuha Yusoff, Salmah Tajuddin, Norhayati Ngah & Mohd Rohaizad Md Rejab

Ubi Gadong is very well known among the old Malay communities of Terengganu and Kedah as one of their traditional foods, synonymous with poor villagers daily food as well as an important famine food. *Dioscorea hispida* is the scientific name for *Ubi Gadong* which belongs to the Dioscoreaceae family. It is widely distributed from India and southern China to New Guinea. *Dioscorea hispida* is classified as a wild creeping and climbing plant which can grow up to 20 meters in height. Its thorny stem twin to the left around trees. It has trifoliate leaves and bulky tubers, but rarely produces flowers of yellow color. The tubers can grow either below or above ground and they are either yellow or white in color. *Dioscorea hispida* is commonly found in secondary forest and grows under shaded areas or near streams. It is also known by the local or vernacular names such as *Tuba Ubi*, *Ubi Nasi*, *Ubi Cerok*, *Ubi Kendudok* and *Ubi Kipas*.

Dioscorea hispida is a poisonous plant where scientific studies have shown that its tuber contains a toxic compound, which is an alkaloid dioscorine. This toxic compound is water soluble, thus it can be removed by flowing water. The old community in villages used the river to remove the toxic compound before they eat the tuber. Apparently there was a potential in economic and scientific studies for *D. hispida*, therefore, the Faculty of Agriculture and Biotechnology (FAB) has begun preliminary studies on ethnobotany, distribution, anatomy as well as biopesticidal properties of *Dioscorea hispida*. The intact leaf and tuber of *D. hispida* have shown bioherbicidal properties, whereas no phytotoxic effect from dried and decomposed *D. hispida* leaf was observed on growth of *Zea mays* (maize), *Brassica* sp. (mustard) and *Cucumis* sp. (cucumber). Tests carried out on *Teleogryllus occipitalis* (house cricket) have shown that aqueous



Fig 1: The habitat of *Dioscorea hispida*

tuber extract can also act as an antifeedant at high concentrations. The focus of upstream future research is to commercialise *D. hispida* tuber which contains a lot of potential phytochemical or phytonutrients compounds with complex properties. Principal toxic constituents of this species is a toxic alkaloid dioscorine that can cause fatal paralysis of the nervous system. Other main phytochemicals include the diosgenin saponin, flavonoids, phenols and tannins.

There are about 1,137 species of *Dioscorea* in the world and its scientific research has been carried out since 1753 by scientists in the United States of America. Apart from causing death after eating (or at least drowsiness if used in small portions), the presence of alkaloid dioscorine in toxic *Dioscorea* species can also be utilised in the pharmaceutical industry for the production of drugs due to its analgesic effects. On the other hand, plant saponins can fight fungal, microbial and viral infections in humans. It can also enhance a vaccines effectiveness, treat tumor cells especially those of lung and blood cancer, as well as lower the blood cholesterol level. It is known that saponin can kill cancer cells without affecting the normal cells, by binding to the cholesterol on the cancer cell membrane followed by interference of its growth and division.



Fig 2: *Dioscorea hispida* growing under shade

Flavonoids can act as antioxidants, providing protection from allergies, inflammations, free radicals, platelet aggregation, microbes, ulcers, hepatoxins, viruses and tumors. The presence of phenol in *Dioscorea* species can act as anti-inflammatory, anti-clotting, antioxidant, immune enhancers and hormone modulators.



Fig 3: Tuber of *Dioscorea hispida* as a source of traditional food

Fig 4: Herbarium specimen of *Dioscorea hispida* Dennst.



Fig. 5: Longitudinal Section of the Stem after stained on Sudan III




Fig. 6: SEM photographs of starches. The scanning electron microscopes (SEM) of accumulated starch showed the presence of various size and shape granules with smooth surfaces (X1600)




Fig. 7: Sudan III test on longitudinal Section of the tuber




Fig. 8: Replica of Lower Leaf Surface (X10)




Fig. 9: Cross section flower (X4)



Fig. 10: Leaf Trichome (X10)

Ascorbic acid is also available in high amounts compared to other vitamins in *Dioscorea* species. It is a powerful antioxidant, promotes iron absorption in the intestine, protects against infection, neutralises blood toxins and mediates wound healing.

It is expected that *D. hispida* tuber will not only be used as poison bait when fishing and hunting but will also be useful as a biopesticide. Apart from treating external sores

of *puru* it can also be developed further for cosmetics and drugs. As man digs this tuber to be used as a famine food, the scientist also needs to dig the ethnobotanical knowledge and scientific knowhow of this toxic tuber plant for use as a commercial food and for natural products.

Acknowledgements: Hasbullah Hj Muhamad, Mat Zakaria and Abd Manaf Ali



Bersama PENDAFTAR

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar

1. Apakah objektif dan fokus yang menjadi keutamaan tuan apabila dilantik sebagai Pendaftar UniSZA?

Jabatan Pendaftar merupakan antara peneraju utama dalam pentadbiran dan secara umumnya Jabatan Pendaftar adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan pentadbiran pusat universiti dengan memberi perkhidmatan pentadbiran dan kesetiausahaan supaya aktiviti-aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan akademik dapat dijalankan dengan licin dan berkesan. Selaras dengan ini adalah menjadi matlamat saya untuk melaksanakan segala tanggungjawab yang berat ini secara berpasukan agar ianya dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan Insya Allah ini akan membantu UniSZA mencapai visi dan misi yang telah dibentuk.

Sebagaimana universiti yang lain peranan utama Jabatan Pendaftar adalah pengurusan sumber manusia, pembangunan modal insan dan pembangunan organisasi dan pentadbiran. Memandangkan UniSZA merupakan salah sebuah universiti yang agak baru yang ditubuhkan pada Januari 2006 dan selaras dengan perkembangan akademik seperti penubuhan fakulti dan program-program pengajian, yang ini semua memerlukan sumber manusia yang mencukupi dan kompeten, jadi adalah menjadi fokus utama Jabatan Pendaftar untuk memenuhi keperluan sumber manusia dari segi kuantiti dan kualiti. Justeru pembahagian kerja di Jabatan Pendaftar adalah menjurus ke arah mencapai matlamat ini.

2. Sebagai Pendaftar kedua UniSZA, apakah pembaharuan-pembaharuan yang akan dibawa oleh tuan khususnya berkaitan dengan perancangan Sumber manusia?
 - a. Keperluan sumber manusia

Dalam hal ini Jabatan Pendaftar menilai keperluan sumber manusia yang diminta atau diunjurkan oleh setiap PTj. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada jumlah perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan kemampuan kewangan UniSZA. Untuk memenuhi keperluan sumber manusia, Jabatan Pendaftar menggunakan dua kaedah iaitu sumber dalaman melalui amalan kenaikan pangkat dan pertukaran kerja, ini lebih diutamakan, terutamanya yang melibatkan staf bukan akademik. Ini bertujuan untuk memberi laluan kerjaya yang lebih luas dan terbuka kepada staf supaya boleh mencapai tahap atau pangkat yang lebih tinggi disuatu masa nanti.

Kaedah kedua adalah melalui sumber luaran, iaitu mengambil calon-calon luar untuk menjawat jawatan di UniSZA .

Bagi memenuhi keperluan sumber manusia melalui sumber luaran, penglibatan PTj adalah amat perlu terutamanya melibatkan keperluan kepada staf akademik.

- b. Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan sumber manusia ini melibatkan

latihan jangka panjang yang bertujuan untuk meningkatkan tahap pengajian staf sama ada akademik mahupun bukan akademik. Bagi staf akademik latihan jangka panjang ini sudah sedia ada cuma perlu diperkasakan perancangan dan penilaian kepada perancangan yang telah dibuat sama ada telah mencapai matlamat atau tidak. Bagi staf bukan akademik, satu kertas cadangan akan dibuat untuk membolehkan sebahagian staf bukan akademik yang terpilih akan dapat pembiayaan untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi.

Seterusnya bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi staf akademik dan bukan akademik latihan jangka pendek akan terus diadakan. Jabatan Pendaftar, Insya Allah akan merancang dan memantau kehadiran ke kursus jangka pendek ini akan memenuhi keperluan kerajaan iaitu sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun.

Selain daripada perancangan sumber manusia, adalah diharapkan urusan pentadbiran jabatan akan dikemaskinikan dengan melihat tugas harian atau mingguan dibincang bersama agar dapat dilaksanakan dengan sempurna, ini akan dilakukan dengan mengadakan perbincangan pagi selama antara 30 minit sehingga 1 jam pertama, iaitu 2 atau 3 kali seminggu.

3. Apakah cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh tuan dalam usaha untuk memberi nilai tambah pada aspek kualiti sumber manusia sedia ada di UniSZA terutama di kalangan pentadbir?

- a. Cabaran berhubung dengan peraturan dan peruntukan undang-undang

Urusan berhubung dengan sumber manusia yang melibatkan pelantikan, kenaikan pangkat, gaji dan upah, elaun dan beberapa kemudahan lain yang kadang-kadang perlu diuruskan dengan betul mengikut peraturan dan peruntukan undang-undang yang ada. Memandangkan banyak sekali peraturan dan peruntukan undang-undang yang perlu dilihat atau dipenuhi agar tidak berlaku kesilapan yang sukar untuk ditarik balik misalnya tersilap dalam memberi elaun kepada yang tidak sepatutnya berhak. Maka ketelitian dalam hal-hal begini amat perlu lebih-lebih lagi kalau ianya baru dilaksanakan disini.

- b. Cabaran berhubung dengan peruntukan jumlah jawatan tetap yang amat terhad bagi jawatan-jawatan tertentu sama ada jawatan baru atau kenaikan pangkat.

- c. Cabaran untuk memotivasi para pensyarah yang telah berusia untuk melanjutkan pelajaran masing-masing keperingkat Ph.D.

4. Bagaimana tuan merangka strategi bagi menangani cabaran-cabaran tersebut atau dengan kata lain, bagaimana tuan dapat menjadikan cabaran-cabaran tersebut sebagai peluang untuk melaksanakan penambahbaikan?
- a. Bagi memenuhi dan memahami keperluan peraturan dan peruntukan undang-undang:
 - i. Sentiasa mengadakan perbincangan dengan penolong-penolong pendaftar yang terlibat dengan isu-isu yang berbangkit
 - ii. Membentuk hubungan yang baik dengan Bahagian Sumber Manusia di Kementerian Pengajian Tinggi, JPA dan Pendaftar-Pendaftar dari universiti yang lain.
 - b. Cabaran berhubung dengan peruntukan jumlah jawatan tetap yang amat terhad:
 - i. Mengadakan perbincangan dan menyediakan justifikasi yang kukuh untuk mempertahankan sesuatu permohonan perjawatan.
 - ii. Mengisi keperluan staf secara lantikan kontrak, sementara atau pun menggunakan sumber luar.
 - c. Memotivasi para pensyarah yang telah berusia – dengan cadangan membentuk dana untuk membayar balik yuran pengajian dan penyelidikan bagi para pensyarah yang tamat pengajian PhD secara persendirian.

5. Apakah harapan tuan terhadap kualiti staf di UniSZA?

Dari segi kualiti staf UniSZA boleh dikategorikan kepada tiga iaitu kualiti yang baik, sederhana dan agak lemah. Bagi kualiti yang baik, adalah diharapkan mereka menggunakan segala kemudahan pembiayaan untuk latihan, penyelidikan dan kemudahan fizikal yang ada untuk menjadi pegawai atau staf yang lebih baik pada masa akan datang. Dan bagi pegawai atau staf yang sederhana dan agak lemah, gunakanlah segala kemudahan pembiayaan untuk latihan, penyelidikan dan kemudahan fizikal yang ada untuk meningkatkan kualiti kita agar sekurang-kurangnya setanding dengan keperluan universiti, supaya kita sentiasa berada di arus perdana perkembangan UniSZA.



Perjanjian Persefahaman UniSZA - Kerajaan Negeri Terengganu

Pada 28 Julai 2010 bertempat di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, satu Perjanjian Persefahaman (MoU) telah ditandatangan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerajaan negeri untuk menjalankan kajian lebih lanjut tentang ubi gadong atau nama saintifiknya *Discorea Hispida* yang merupakan makanan tradisional masyarakat Terengganu. Perjanjian tersebut yang ditandatangani oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Mazlan Ngah yang mewakili kerajaan negeri telah disaksikan oleh Menteri Besar, Dato' Ahmad Said. Melalui perjanjian ini, sebanyak RM2 juta akan disalurkan kepada UniSZA secara berperingkat bagi tujuan penyelidikan dan kajian terhadap tanaman ubi gadong yang dikatakan mampu menjadi sumber ubatan kerana terdapat sejenis bahan di dalam kandungan ubi gadong dipercayai steroid dalam bentuk gula yang mampu menyahkan toksin di dalam badan. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor



Penyelidikan & Inovasi UniSZA, Profesor Dr. Abdul Manaf Ali, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UniSZA, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, Pendaftar UniSZA, Profesor Madya Dr. Nik Wan Omar dan Bendahari UniSZA, Encik Baharin Salim.



Memorandum Perjanjian UniSZA-INCEIF



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) pada 9 Julai 2010 bertempat di Hotel Primula, Kuala Terengganu. MoA ini melibatkan pelaksanaan Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian di Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP). Melalui perjanjian tersebut, sebanyak lapan kursus Program *Chartered Islamic Finance Professional* (CIFP) akan diintegrasikan dalam kurikulum Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian yang ditawarkan di UniSZA. Lapan kursus tersebut adalah Ekonomi Islam, Pasaran Modal Islam, Laporan Transaksi Institusi Kewangan, Pengurusan dan Perancangan Harta, Aspek Syariah dalam Perniagaan dan Kewangan, Deposit dan Operasi Kewangan Perbankan Islam, Pasaran dan Institusi Kewangan Islam serta Hukum Syariah dalam Transaksi Kewangan.

Menurut Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud, perjanjian ini bertujuan melahirkan graduan yang memenuhi kehendak industri perbankan Islam tanpa memerlukan graduan mengikuti kursus atau latihan lain selepas tamat pengajian bagi menambah ilmu dalam bidang tersebut. Dengan penawaran kursus-kursus tersebut, para pelajar akan memperolehi dua sijil iaitu Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian dan CIFP Bahagian I. Ini merupakan nilai tambah kepada graduan Kewangan Islam UniSZA agar lebih berdaya saing berbanding dengan graduan universiti lain. Kelayakan CIFP Bahagian I ini juga membolehkan para pelajar mengambil CIFP Bahagian II, yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setaraf dengan Ijazah Sarjana. Walaupun kursus-kursus ini diajar oleh tenaga pengajar UniSZA, namun, kertas peperiksaan akan disediakan oleh INCEIF yang sememangnya ditubuhkan atas dasar untuk menyediakan program pengajian dalam bidang kewangan dan perbankan Islam.

UniSZA diwakili oleh Naib Canselor, Dato' Profesor Dr. Alias Daud manakala INCEIF diwakili oleh Dato' Agil Natt, Presiden INCEIF. Hadir sama menyaksikan majlis tersebut ialah Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UniSZA dan Ketua Program CIFP, Profesor Madya Dr. Shahul Hameed Hj Mohamed Ibrahim.



Lawatan Akademik Universiti Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menerima lawatan akademik dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam pada 25 Oktober 2010. Lawatan itu diadakan untuk mengetahui perjalanan Istiadat Pemasyhuran Tuanku Canselor dan Konvokesyen UniSZA memandangkan UNISSA akan mengadakan konvokesyen yang pertama. Ketibaan rombongan UNISSA yang diketuai oleh Timbalan Rektor, Pangeran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah Pangeran Anak Haji Ismail, Dr. Hajah Siti Sara Haji Ahmad dan Nurathirah Salihah Haji Mohd Salleh di UniSZA telah disambut oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa, Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad dan staf UniSZA yang lain.

Rombongan seterusnya ke Bilik Persidangan bagi sesi taklimat dan perbincangan mengenai perjalanan majlis konvokesyen oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Akademik, Ismail Musa. Selepas sesi tayangan video konvokesyen, rombongan dibawa melihat peralatan-peralatan konvokesyen UniSZA. Pada sebelah petang pula diadakan satu perbincangan akademik melibatkan wakil UNISSA dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UniSZA. Antara yang diperbincangkan ialah mengenai peluang kerjasama yang boleh dilakukan antara kedua-dua belah pihak. Rombongan juga dibawa melawat sekitar bandar Kuala Terengganu sebelum berangkat pulang ke Brunei pada keesokan harinya.



**Sekitar Majlis Pemasyhuran
Tuanku Canselor
dan Konvokesyen Ke-2**





MoU UniSZA - Universiti Mu'tah



Pada 10 Mei 2010, satu memorandum persefahaman telah dimeterai antara Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan Universiti Mu'tah, Jordan. Memorandum selama lima tahun antara kedua-dua buah universiti itu telah ditandatangani oleh Profesor Dr. Mohd Afandi Muhammad, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa mewakili UniSZA dan Profesor Abdelrahim A. Hunaiti, Presiden Universiti Mu'tah. Secara keseluruhannya, kerjasama antara kedua-dua buah universiti tersebut melibatkan bidang pengajian Islam. Bidang kerjasama yang dibincangkan antara kedua-dua buah universiti melibatkan pertukaran staf dan pelajar, kerjasama penyelidikan, pengajian seminar dan persidangan serta pengiktirafan Diploma Pengajian Islam dari UniSZA. Sehingga kini, seramai sembilan orang pelajar Diploma Pengajian Islam telah menyambung pengajian ke Universiti Mu'tah.

MoU UniSZA - Universiti Yarmouk



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Yarmouk, Jordan, sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan dan menjalinkan lebih banyak kerjasama dengan universiti-universiti peringkat antarabangsa. Perjanjian selama empat tahun ini ditandatangani oleh wakil UniSZA, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhammad, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antrabangsa dengan wakil dari Universiti Yarmouk iaitu Profesor Dr. Sultan Abu Arabi, Presiden universiti tersebut. Kedua-dua buah institusi pengajian tinggi ini akan membuka ruang kerjasama yang melibatkan pertukaran kakitangan dan pelajar, menjalinkan kerjasama dalam bidang penyelidikan, menganjurkan seminar dan persidangan serta memberi pengiktirafan kepada graduan-graduan lulusan Diploma Pengajian Islam, UniSZA untuk menyambung pengajian di Universiti Yarmouk. Setakat ini, dua orang kakitangan akademik Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) sedang menyambung pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti tersebut.

MoU UniSZA - WISE



Satu memorandum persefahaman melibatkan kerjasama dalam bidang pengajian Islam telah ditandatangani oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan World Islamic Education & Science University (WISE) pada 10 Mei 2010. UniSZA diwakili oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhammad, manakala WISE pula diwakili oleh Presidennya, Profesor Dr. Abdul Nasir Abu al-Basal. Memorandum yang ditandatangani ini membuka ruang kerjasama antara kedua-dua buah universiti tersebut dari segi pertukaran staf dan pelajar, mengadakan kerjasama penyelidikan, menganjurkan seminar dan persidangan serta memberi pengiktirafan terhadap lulusan Diploma Pengajian Islam, UniSZA. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam sedang merangka beberapa aktiviti yang difikirkan sesuai untuk dikemukakan kepada WISE bagi memastikan jalinan kerjasama tersebut berjalan lancar.



Lawatan Semakan Keserakahan

Pada 6 dan 7 Oktober 2010, satu Lawatan Semakan Keserakahan (Peer Review) daripada Pejabat Pengurusan Program (PMO), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan di Bilik Mesyuarat 1, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak. Lawatan ini adalah bertujuan untuk menyemak pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI), membuat pengesahan data serta mendapatkan bahan bukti bagi Projek Agenda Kritikal (CAPs) yang terlibat iaitu Akademia, e-learning, Kebolehpasaran Graduan, Pembangunan Holistik Pelajar, Akademia-Industri, Pengantarabangsaan, Kepimpinan, Pengajaran & Pembelajaran, Mybrain15 dan Penyelidikan & Pembangunan. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) berjalan seperti yang digariskan. Lawatan ini disertai oleh lima orang panel yang diketuai oleh Kahartini Abdul Rahman. Manakala UniSZA pula diwakili oleh Ketua iPMO, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar, Pengarah Unit Perancang Korporat dan Ketua-Ketua CAPs.



Mesyuarat Ahli-ahli Lembaga Pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Kepujian

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah mengadakan mesyuarat ahli-ahli Lembaga Pengajian bagi program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Kepujian pada 4-6 Oktober 2010. Mesyuarat ini dihadiri oleh Ahli-ahli lembaga Pengajian yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Zamri Ariffin, Prof. Madya Dr. Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Prof. Madya Dr. Haji Abdul Rahman Chik, Prof. Madya Dr. Mohd Azidan Abdul Jabar, Dr. Muhammad Fauzi Jumigan, Dr. Zawawi Ismail dan Encik Mohd Salahuddin Dato' Paduka Mohamed. Mesyuarat ini juga disertai oleh Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan Bahasa Inggeris, Ketua Jabatan Bahasa Arab, Ketua Jabatan Bahasa Melayu dan Setiausaha program. Mesyuarat ini diadakan untuk mengkaji dan menyemak dokumen yang diadakan supaya selaras dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi dan MQA.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009

Bagi menghargai khidmat kakitangan UniSZA, Jabatan Pendaftar telah mengurus selia Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009 pada 4 Oktober 2010 yang lalu bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Kampus Gong Badak. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad, Pendaftar UniSZA, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar, Encik Baharin Salim, Bendahari UniSZA serta Dekan Hal Pelajar & Alumni, Encik Nordin Jusoh. Seramai 93 orang kakitangan akademik dan sokongan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009, manakala 396 orang menerima sijil perkhidmatan cemerlang. Dalam ucapan perasmianya, Naib Canselor mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah tersebut dan meletakkan harapan kepada semua kakitangan agar anugerah sebegini dapat menjadi perangsang meningkatkan motivasi untuk bekerja dengan lebih cekap dan berdedikasi. Selain itu, majlis yang sama juga menyaksikan pemberian insentif sukan kepada tiga orang atlet UniSZA yang telah mengharumkan nama universiti pada Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti Malaysia (SUKUM) yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang baru-baru ini. Ketiga-tiga orang atlet tersebut berjaya memperoleh pingat perak dan gangsa dalam acara 5000 meter, 1500 meter dan acara merejam leming.



Ekspo Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan 2010 (I-Inova' 10)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan pertandingan Ekspo Inovasi Islam Kebangsaan 2010 (i-INOVA'10) peringkat kebangsaan pada 26-28 September 2010 bertempat di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Ekspo ini bertujuan menghimpunkan dan mengetengahkan produk inovasi Islam hasil ciptaan pelajar-pelajar IPTA & Agensi Kerajaan. Objektif program adalah memperkenalkan inovasi dalam penciptaan produk Islam, meningkatkan kesedaran tentang produk Islam, memberi ruang dan peluang kepada masyarakat untuk memahami dan mengetahui perkembangan penggunaan dan penghasilan produk Islam terkini dan menggalakkan aktiviti kreativiti serta inovasi di kalangan pelajar bagi meningkatkan kualiti pelajar dalam menyumbang kepada pembangunan ummah sejagat. Ekspo Inovasi Islam ini turut mengiktiraf produk-produk yang terbaik melalui kategori yang dipertandingkan. Anugerah-anugerah tersebut adalah Anugerah Ibnu Sina (produk yang memberi impak kepada industri), Anugerah Al – Khawarizmi (produk yang berinovasi dan baik) serta kemuncak kepada penganugerahan tersebut adalah Anugerah Inovasi Islam (produk yang memberi impak besar kepada masyarakat Islam).

Sebanyak 81 produk dari penyertaan 16 buah IPTA termasuk UniSZA serta tiga penyertaan oleh agensi kerajaan telah menyertai ekspo tersebut. Empat kategori yang dipertandingkan adalah meliputi Teknologi Maklumat, Bioteknologi, Kejuruteraan dan Senibina serta pengekalan kepada teknologi semulajadi (green technology and sustainability). Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) telah mewakili universiti dalam ekspo tersebut. Produk yang dipertandingkan oleh fakulti dalam kategori pengekalan kepada teknologi semulajadi (green technology and sustainability) adalah 'Eco-Friendly Packaging – Mr.Lekor' oleh pelajar iaitu Rafi Shah Jeyarahah. Produk tersebut telah memenangi Anugerah Terbaik iaitu Anugerah Ibnu Sina yang membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai RM 1,500.00 serta sijil penghargaan. Selain mendapat Anugerah Pingat Ibnu Sina produk tersebut turut memenangi pingat emas serta hadiah iringan berjumlah RM 500.00 dan sijil penghargaan oleh pihak penganjur. Produk kedua yang dipertandingkan oleh universiti adalah 'Distance Warning Emergency Triangle'. Produk tersebut merupakan hasil kerja tangan bekas pelajar fakulti yang telah diwakili oleh Mohd Firdaus Mohamad. Produk tersebut turut memenangi pingat gangsa serta sijil penghargaan oleh pihak penganjur.



Pertandingan 'MSC IHL-Business Idea and Business Plan 2010-2011' Peringkat UniSZA

'MSC IHL-Business Idea and Business Plan 2010-2011' kelolaan Fakulti Rekabentuk dan Inovatif (FRIT) bersama Fakulti Informatik (FIT) yang akan berlangsung bermula September hingga November 2010 merupakan satu platform untuk memilih tiga 'business plan' dan tiga 'business idea' yang terbaik daripada ahli akademik, penyelidik dan pelajar UniSZA. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memilih pemenang bagi mewakili UniSZA ke pertandingan serupa anjuran Multimedia Development Corporation (MDeC) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi. Sebagai inisiatif awal, pihak jawatankuasa pelaksana program telah mengadakan satu taklimat kepada 200 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah, penyelidik dan pelajar UniSZA pada 22 Julai 2010 di Dewan Kuliah Utama. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Encik A'i'dil Mahumdin, wakil MDeC dan Encik Amir Irwan, Pengarah Besar e-One Studio sebagai wakil industri.



Pameran Malaysia Inovatif 2010

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu, Pahang, Kelantan dan Rakan Inovatif menganjurkan Karnival Malaysia Inovatif 2010 Zon Timur pada 30 hingga 31 Julai 2010 bertempat di Pusat Dagangan Terengganu, Kuala Terengganu.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) turut menghantar empat orang wakil universiti untuk penyertaan ke pameran tersebut. Pameran yang disertai oleh universiti melibatkan produk-produk inovasi dari tiga fakulti iaitu Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Fakulti Teknologi Makanan (FTM) dan Fakulti Informatik (FIT). Antara produk yang dipamerkan oleh FRIT ialah 'Distance Warning Emergency Triangle' daripada Saiful Hairi Othman (pelajar diploma semester akhir 2009/2010), 'Hydro-Guard' daripada Muhammad Asyraf Azman dan 'Mr. Lekor' 'Packaging' daripada Rafi Syah Jeyarajah.



Antara matlamat yang telah dicapai oleh fakulti pada karnival tersebut ialah dapat mempamerkan hasil kerja pelajar fakulti pada peringkat Zon Timur di Karnival Malaysia Inovatif, sekaligus meningkatkan keyakinan dan kemahiran komunikasi para graduan, yang juga menjadi landasan terbaik kepada mahasiswa/i untuk mereka mengetengahkan bakat serta berkongsi idea mereka dengan dunia luar dan dapat mempromosikan karya dan rekaan pelajar fakulti kepada umum disamping memberi pendedahan secara mendalam mengenai bidang reka bentuk.

Karnival Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan 2010

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Karnival Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan di Masjid Sultan Mizan, Putrajaya pada 5 hingga 8 Ogos 2010. Karnival yang bertemakan 'Inovatif 1Malaysia 1Ummah' ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Karnival ini mendapat kerjasama pelbagai agensi kerajaan termasuk Perbadanan Putrajaya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan sektor swasta antaranya Johor Corporation dan Telekom Malaysia Bhd. Antara aktiviti yang dijalankan melalui karnival ini adalah pameran yang melibatkan IPTA, IPTS, Politeknik, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan. Aktiviti-aktiviti lain yang telah diadakan adalah seperti bengkel Inovasi Islam, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, dialog industri dan Bicara Mufti yang telah disiarkan secara langsung di TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) turut mengambil bahagian dalam pameran di karnival ini melalui penyertaan dari tiga buah fakulti iaitu Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Fakulti Teknologi Makanan (FTM) dan Fakulti Informatik (FIT). FRIT telah menghantar tiga produk untuk pameran tersebut iaitu 'Smart Tray – Mr. Lekor, Hydro Guard dan Distance Warning Emergency Triangle'. Produk-produk yang dipamerkan telah mendapat maklumbalas dan sambutan yang menggalakkan daripada para pengunjung yang hadir. Produk-produk ini juga turut diperkenalkan kepada ketua pengarah JAKIM yang menyambut baik idea-idea berinovasi fakulti. Selain FRIT, FTM turut mempamerkan produk-produk makanan seperti ubi gadong, tapai ubi, rojak kateh dan



jugamemperkenalkan kaedah pembungkusan tin yang selamat serta menonjolkan label makanan sendiri seperti yang telah direkabentuk oleh FRIT. Manakala FIT pula menghantar produk perisian komputer yang berkaitan dengan pembelajaran KAFA.



Lawatan Akademik Fakulti Rekabentuk dan Inovatif



Mahasiswa/i Fakulti Reka Bentuk

Inovatif dan Teknologi (FRIT) telah mengadakan lawatan akademik ke sekitar Melaka dan Shah Alam pada 22 hingga 24 September 2010. Lawatan ini disertai oleh 36 orang mahasiswa/i yang terdiri daripada pelajar semester V Diploma Reka Bentuk Perindustrian dan pelajar semester I Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian. Lawatan ini juga diiringi oleh tiga orang pengiring. Selain bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i mengenai produk-produk yang dihasilkan oleh syarikat berkenaan, lawatan ini juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan

inovatif serta dapat menyelesaikan masalah yang timbul dalam penghasilan sesuatu produk.

Salah satu pengisian program adalah lawatan ke sekitar Dataran Mahkota yang membuka peluang kepada mahasiswa/i untuk mengimbau dan mendalami sejarah pengangkutan pada zaman lampau terutamanya pengangkutan air dan pengangkutan udara. Lawatan diteruskan ke Boat Explorer yang mendedahkan mahasiswa/i kepada penghasilan rekabentuk kapal dan juga proses pembuatannya. Manakala lawatan ke Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) telah memberi peluang kepada mahasiswa/i melihat produk-produk oleh industri yang telah diberi penganugerahan oleh MRM. Selain itu, kunjungan ke Royal Selangor telah membuka ruang kepada mahasiswa/i untuk menyaksikan reka bentuk produk dan proses pembuatan piuter, iaitu salah satu produk pelancongan terkenal di Selangor.

Majlis Pelancaran ‘Executive Day’

Majlis Pelancaran ‘Executive Day’ anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan telah diadakan pada 19 Ogos 2010 bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS), UniSZA. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dr. Abdul Manaf Ali dan dihadiri oleh Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Ketua-ketua Jabatan, para pensyarah, kakitangan pentadbiran serta para mahasiswa/i Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP). Susulan daripada majlis perasmian tersebut, FPPP telah menetapkan hari Selasa sebagai ‘Executive Day’ dan semua mahasiswa/i FPPP diwajibkan untuk berpakaian formal mengikut etika dan peraturan yang telah dikeluarkan oleh pihak fakulti di samping berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris sepanjang waktu pejabat.

‘Executive Day’ dilancarkan bertujuan untuk memberi garis panduan tingkah laku dan tatacara berpakaian yang sesuai serta kemas supaya dipatuhi oleh pelajar FPPP. Tatacara berpakaian yang sesuai dan kemas ini berupaya menjaga nama baik fakulti dan universiti di samping membentuk suasana kampus yang tenteram, harmoni, berdisiplin, mahasiswa/i yang berketerampilan serta mempunyai kesopanan dan kesusilaan selaras dengan kedudukan universiti sebagai sebuah institusi dan pusat ilmu. Selain itu, pelancaran ‘Executive Day’ bertujuan untuk melahirkan mahasiswa/i yang mahir berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris sesuai dengan kehendak industri pada masa ini.



UniSZA and SJTU-GHCC, China Week in Kuala Terengganu

Faculty of Languages and Communication, UniSZA and SJTU-GHCC opened the China week at the Gong Badak Campus of UniSZA from 24- 30 July. The event was attended by graduates and students of UniSZA and members of the public and students from the neighbouring schools. In addition to an exhibition of 200 books and multimedia materials, various types of Chinese cultural events were held which include Jiaozi making, calligraphy, painting of Beijing Opera faces and paper cutting. Students participated in these activities enthusiastically; over 1000 graduates and UniSZA's 4500 students took turns to attend the exhibition which was held in conjunction with the 2010 Convocation of UniSZA. The Chairman of the Board of Directors of UniSZA, Dato' Zolkifli Abdul, Vice Chancellor Dato' Professor Dr. Alias Daud and other top management of UniSZA attended a performance by 20 students who are currently taking Mandarin language at UniSZA .

Majlis Anugerah Dekan Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan Semester II Sesi 2009/2010

Pada tanggal 30 September 2010, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) telah mengadakan Majlis Anugerah Dekan bertempat di Perkarangan Blok Hafsa FPPP, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak. Majlis ini telah dihadiri oleh Dekan, Timbalan Dekan, Ketua-Ketua Jabatan, para pensyarah dan kakitangan, serta para mahasiswa/i FPPP.

Seramai 224 mahasiswa/i yang terdiri daripada Program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma telah menerima anugerah tersebut. Mohammad Azizul Abd Aziz daripada Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) telah dipilih sebagai pelajar terbaik keseluruhan bagi Program Ijazah manakala empat orang pelajar lagi iaitu Mohammad Syahir Nijeb, Nurul Sakila Husaimi, Sahaziera Sahak dan Ummi Kalsom Musa masing-masing daripada Program Diploma Perakaunan,

Diploma Pengurusan Sumber Manusia dan Diploma Pengajaran Bank pula telah dipilih sebagai pelajar terbaik keseluruhan bagi Program Diploma. Antara kriteria yang telah diambil kira bagi menentukan seseorang mahasiswa/i menerima anugerah ini adalah berdasarkan dua elemen iaitu mendapat Purata Nilai Gred Semester (PNGS) 3.50 dan ke atas dan mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) tertinggi bagi keseluruhan program.

Justeru, pihak fakulti mengucapkan tahniah kepada semua mahasiswa/i yang telah berjaya dan diharapkan anugerah sebegini dapat memberi dorongan untuk terus mengekalkan kejayaan yang serupa pada sesi akan datang. Disamping itu juga, majlis seperti ini diharapkan dapat memberi suntikan motivasi kepada para mahasiswa/i lain untuk sama-sama berusaha bagi mencapai kejayaan yang serupa.

Program Santai Puisi Merdeka

Pada 8 Ogos 2010, bertempat di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak, Pusat Penataran Ilmu telah menganjurkan Program Santai Puisi Merdeka. Anjuran program ini bertujuan untuk turut sama meraikan sambutan hari kemerdekaan Malaysia yang ke-53 pada 31 Ogos setiap tahun. Program yang bertemakan '1 UniSZA Menjana Transformasi' ini telah dihadiri oleh lebih kurang 300 orang penonton yang terdiri daripada para pelajar dan kakitangan UniSZA. Bersesuaian dengan namanya, program ini memuatkan bacaan puisi dan sajak yang dideklamasikan oleh sepuluh orang pemuisi yang terdiri

daripada mahasiswa-mahasiswi UniSZA. Kesemua puisi dan sajak yang disampaikan bertemakan kemerdekaan hasil karya pemuisi terkenal seperti Lim Swee Tin, *Salam Perjuangan SriKandi Bangsa*, Wadi Leta S.A., *Aksara Merdeka*, Yahaya Surip, *Visi Kemerdekaan* dan lain-lain. Selain itu, program ini diserikan lagi dengan bacaan puisi daripada Ustaz Azhar Yaakob, Pengarah Pusat Islam UniSZA berjudul *Rintihan Rasulullah*. Kesemua pemuisi yang menjayakan program ini menerima sijil penghargaan yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu.



Aksara Merdeka

Wadi Leta S.A.

Setelah sekian lama kita menyusun dan mewarnakan
aksara merdeka,
kenapa masih ada lagi,
warga tanah bersejarah ini,
yang kenal huruf tetapi terlupa maknanya,
yang kenal angka tetapi terlupa nilainya,
yang kenal bunyi tetapi terlupa nadanya,
yang kenal rentak tetapi terlupa geraknya,
yang kenal lagu tetapi terlupa iramanya,
yang kenal akhir tetapi terlupa awalnya.

Setelah sekian lama kita membaca dan menghafal
aksara merdeka,
kenapa masih ada lagi,
warga tanah tercinta ini,
yang cerah mata tetapi gelap hati,
yang cerdik minda tetapi dungu peribadi,
yang cantik bahasa tetapi buruk sikap,
yang lembut budi tetapi keras lagak,
yang merdu suara tetapi sumbang bicara.

Setelah sekian lama kita mencatat dan merakam
aksara merdeka,
kenapa masih ada lagi,
warga tanah pusaka ini,
yang impikan kemajuan tetapi menolak teknologi,
yang impikan kemakmuran tetapi membelakangkan
ekonomi,

yang impikan kesejahteraan tetapi mencetuskan
pergolakan,
yang impikan kegemilangan tetapi meremehkan
wawasan.

Setelah sekian lama kita menganalisis dan mentafsir
aksara merdeka,
kenapa masih ada lagi,
warga tanah bertuah ini,
yang terlepas kaki tapi terikat tangan,
yang terlepas mata tetapi terikat jiwa,
yang terlepas fikir tetapi terikat cita-cita.

Setelah sekian lama menjulang dan
memartabatkan aksara merdeka,
kenapa masih ada lagi,
warga tanah bertuah ini,
yang kasihkan bangsa tetapi bencikan pemimpin,
yang cintakan agama tetapi menyelewengkan fatwa.

Setelah sekian lama menghargai dan menghormati
aksara merdeka,
kenapa masih ada lagi,
warga tanah berdaulat ini,
yang mananam bunga tetapi menabur duri.



Visitors from Outer Space

For the first time, the Association of Space Explorers 23rd Planetary Congress was held in Kuala Lumpur from 5 — 10 October, 2010. Part of the outreach activities associated with this Congress included a Campus Space Walk programme that saw astronauts and cosmonauts visiting various universities throughout Malaysia. Astronauts (in Greek 'Navigators of the stars') are those who have travelled into space with the American space programme, while Cosmonauts are space travellers under the Russian space programme.



On October 7th, Universiti Sultan Zainal Abidin hosted three cosmonauts and one astronaut on campus to share their experience of space travel with students from UniSZA and selected schools around Kuala Terengganu. The aim of the event was to promote knowledge in the field of aerospace and science among the younger generation.

The morning began with each guest talking about their varied experiences. This was followed by a question and answer session with students. At the end of the event, students were able to meet and talk with the cosmonauts/ astronauts. Many students were able to get personalised autographed photographs as well. The visiting space travellers came from various countries, two from Russia, one from Japan and one from France.

Anatoli Beregovoi from Russia first began to train as a cosmonaut in 1970, months after American Neil Armstrong first landed on the moon. Yuri Pavlovich Gidzenko, also from Russia, has been on many missions, spending a



total of 329 days in space. He is currently the Deputy Chief of the Cosmonaut Training Center TsPK.

Toyohiro Akiyama, a TV journalist, was the first Japanese in space when he travelled aboard the Russian Soyuz spacecraft and spent a week at the MIR Space Station in 1990.

Patrick Baudry from France has trained with both the Russians and Americans. He is an accomplished military pilot and was a payload specialist aboard NASA's Space Shuttle Discovery in 1985. At the time, he was the second French citizen in space. Today he is a UNESCO Goodwill Ambassador, and dedicates much of his free time helping the underprivileged in Africa.

The event was a once in a lifetime opportunity to meet and learn from cosmonauts and astronauts with years of experience and vast knowledge. Topics discussed that day ranged from food and clothing in space, to the thrill of seeing our blue planet from above, the environment as well as the ultimate question, "Are We Alone?"

The day was not only enjoyed by the students, but by the cosmonauts and astronauts as well. They commented that the session was very interesting for them and they found the morning spent meeting UniSZA students a rewarding one.



From left: Toyohiro Akiyama, Yuri Pavlovich Gidzenko, Anatoli Beregovoi, Interpreter, Patrick Baudry.

Wellness Perdana 2 0 1 0

Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Jabatan Kejururawatan UniSZA, GlaxoSmith Kline (GSK), Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu dan Jabatan Kemajuan Masyarakat Desa (KEMAS) telah menganjurkan program Wellness Perdana 2010 pada 24 Oktober 2010, bermula pada jam 9.30 pagi hingga 4.00 petang.

Program Wellness Perdana 2010 merupakan sebahagian daripada program Wellness yang telah dijalankan sepanjang tahun ini oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) bersama PKP. Untuk kali ini, program ini dijalankan sempena dengan UniSZA Conference Wellnes (UCW) yang berlangsung dari 23-25 Oktober 2010 di Dewan Al Muktafi Billah Shah. Selain daripada kakitangan dan pelajar UniSZA, program ini turut dibuka kepada masyarakat luar kampus.

Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memastikan kakitangan UniSZA sihat dari segi mental dan fizikal serta dapat mewujudkan ‘Budaya Sihat’ di kalangan kakitangan dan pelajar bagi memastikan segala matlamat universiti dapat direalisasikan.

Selain daripada dua ceramah kesihatan, program ini juga menyediakan perkhidmatan konsultasi kesihatan wanita, pemeriksaan pap smear dan payudara, pemeriksaan kesihatan umum, kempen derma darah, pameran kesihatan dan pertandingan mewarna bagi kanak-kanak.

Program

Mesra Bersama Pesakit Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu

Program Mesra Bersama Pesakit Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) anjuran kakitangan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan(FPSK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diadakan pada 8 September 2010 bertempat di Wad Peadiatrik, HSNZ. Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud turut tidak melepaskan peluang untuk turun padang bagi bersama-sama bermesra dengan pesakit di HSNZ. Program ini melibatkan 20 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan serta 16 orang ahli jawatankuasa yang terdiri daripada staf FPSK. Sebelum pengagihan sumbangan dilakukan, pihak hospital terlebih dahulu menjemput semua wakil UniSZA untuk ke bilik mesyuarat bagi sesi taklimat ringkas yang turut dihadiri oleh wakil pengarah hospital dan beberapa staf dari HSNZ.

Program seumpama ini diadakan bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama yang sedia terjalin dalam aktiviti kesihatan antara FPSK dan HSNZ. Selain itu, program ini bertujuan untuk memperlihatkan perjalanan harian FPSK dalam membantu golongan masyarakat tanpa mengira umur, agama dan bangsa. Program ini juga adalah satu platform bagi pelajar terutama pelajar perubatan dan pembedahan dalam mengaplikasikan segala ilmu yang diperolehi untuk dipraktikkan apabila bergelar doktor kelak.

Dekan FPSK, Profesor Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif bersama-sama Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad diiringi oleh wakil pengarah hospital telah menyampaikan sumbangan kepada pesakit di wad peadiatrik. Seramai 36 orang pesakit menerima sumbangan berupa duit raya dan pakej biskut raya. Para pelajar juga tidak ketinggalan mengagihkan sumbangan kepada pesakit. Mereka dilihat sangat mesra dengan pesakit begitu juga dengan pesakit yang dilihat begitu menghargai sumbangan yang telah diberikan kepada mereka. Diharap sumbangan yang tidak seberapa itu dapat meringankan beban yang ditanggung.



'Selangkah ke Hadapan Memantapkan Hubungan'

Program 'Selangkah ke Hadapan Memantapkan Hubungan' merupakan program yang diatur oleh Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan tujuan untuk memperkenalkan UniSZA dan FUHA kepada pihak berkaitan dalam memberikan pengiktirafan kepada program yang dijalankan di bawah fakulti. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mewujudkan penghayatan hakikat budaya ilmu sebenar melalui proses pengalaman, pengamatan dan perbandingan, menjalinkan persefahaman budaya dan ilmu di samping menimba pengalaman daripada pihak-pihak yang berkaitan. Program ini juga dapat mewujudkan hubungan mesra antara Persatuan Mahasiswa Undang-Undang, FUHA dengan pegawai kerajaan serta agensi-agensi kerajaan.

Program ini berlangsung di Kuala Lumpur pada 28 hingga 30 Julai melibatkan lawatan ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Persatuan Guaman Syarie Malaysia (PGSM), Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kurnia



Insurans, Makan Malam bersama Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia dan Makan Malam bersama Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi. Seramai 40 orang mahasiswa yang terdiri daripada pelajar diploma dan ijazah undang-undang terlibat dalam program ini serta pegawai pengiring iaitu Encik Mohd Fuad Husaini, Timbalan Dekan Akademik & Hal Ehwal Pelajar FUHA.

Penilaian Sistem dalam Talian Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (My3S) Pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahun Pertama UniSZA

Kerjasama di antara pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pusat Pembangunan Akademik (CAD), UniSZA telah melaksanakan kajian longitudinal skala kemahiran insaniah melalui laman sesawang yang melibatkan pelajar tahun pertama yang mengambil Ijazah Sarjana Muda di UniSZA seramai 887 orang. Tempoh pelaksanaan instrumen ini dibuka kepada tiga sesi yang bermula pada 4 Oktober 2010 dan berakhir pada 23 Oktober 2010. Sehubungan dengan itu, calon akan dibenarkan untuk melayari laman sesawang kajian yang telah dibangunkan dalam tempoh tersebut. Tujuan Instrumen My3S ini dibangunkan untuk mengukur tahap penguasaan Kemahiran Insaniah pelajar Institut Pengajian

Tinggi (IPT). Ia juga merupakan kemahiran generik yang merentasi pelbagai aspek pembelajaran merangkumi aspek individu dan kerja berkumpulan yang perlu dikuasai oleh graduan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan dan menjadi pekerja yang berkesan dalam pelbagai organisasi. Kementerian Pengajian Tinggi juga telah memperkenalkan tujuh elemen utama Kemahiran Insaniah yang perlu diterapkan kepada pelajar di IPT. Ia termasuklah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika profesional serta kemahiran kepimpinan.

Program Integrasi Pendidikan Pelajar Kursus Etnografi Pribumi Malaysia ke Perkampungan Orang Asli Pos Lebir, Kelantan

Pada 29 hingga 31 Julai 2010, Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah mengadakan program integrasi pendidikan antara para pelajar UniSZA yang mengambil kursus Etnografi Pribumi Malaysia dengan masyarakat Orang Asli, bertempat di Pos Lebir, Kelantan. Antara objektif program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang aktiviti kerja lapangan yang menjadi asas penting bagi pelajar-pelajar antropologi. Selain itu, para pelajar juga berupaya membuat pentafsiran dan penilaian yang bersifat lebih objektif berhubung ciri-ciri sosio-budaya masyarakat Orang Asli.

Program yang disertai oleh 68 orang pelajar, tujuh orang kakitangan UniSZA, kakitangan JHEOA serta seluruh penduduk kampung Pos Lebir ini bermula dengan majlis penyerahan anak angkat. Pengisian program utama adalah aktiviti motivasi pendidikan kepada pelajar-pelajar Orang Asli, sukaneka, motivasi kepada ibu bapa dan persembahan kebudayaan. Secara keseluruhan, program ini memberi satu pengalaman dan pendedahan kepada para pelajar mengenai kehidupan kaum pribumi Orang Asli di samping memahami cabaran yang dihadapi untuk berurusan dengan mereka. Di pihak yang lain, program ini memberi kesempatan kepada masyarakat Orang Asli untuk menilai tahap kemajuan yang telah dicapai serta memberi kesedaran kepada mereka supaya berusaha dengan lebih gigih bagi mengejar kemajuan agar dapat berada setanding dengan bangsa lain di negara ini.





Mega-Lelong UniSZA

Kemahiran keusahawanan merupakan satu kemahiran yang menggabungkan pelbagai kemahiran seperti kemahiran perancangan dan pengurusan maklumat, komunikasi berkesan, kepimpinan, kerja pasukan, kreativiti serta tidak ketinggalan etika dan moral. Sebagai melengkapai salah satu sasaran pembelajaran program akademik di Fakulti Informatik, pihak pengurusan fakulti dengan bantuan Persatuan Mahasiswa FIT telah menganjurkan program Mega-Lelong peringkat UniSZA. Terdahulu sebelum itu, pelajar Fakulti Informatik telah bertungkus lumus mengumpul barang untuk dilelong yang terdiri daripada kasut dan pakaian, buku dan majalah, serta aksesori perhiasan daripada seluruh warga UniSZA. Barang yang telah dikumpul dijual secara lelong kepada semua warga UniSZA melalui gerai yang dibuka pada 9 dan 10 Ogos 2010 bermula 10 pagi hingga 5 petang bertempat di hadapan bangunan Fakulti Informatik. Pelajar daripada Tahun 1 hingga 4 daripada program diploma dan ijazah sarjana muda FIT mengambil giliran menjaga dan mempromosi gerai mengikut kelapangan kuliah masing-masing.

Pemilik barang lelong akan menetapkan harga untuk jualan dan sedikit komisen diberikan kepada dana Persatuan Mahasiswa FIT. Selain daripada barang lelong, pihak persatuan juga turut membuat inisiatif sendiri dengan menjual makanan dan minuman di gerai tersebut. "Keuntungan bukanlah perkara paling utama dalam program ini. Kerjasama antara pelajar lama dan baru amat dibanggakan kerana masing-masing bekerja dalam satu kumpulan untuk memastikan program ini berjaya. Barang yang tidak habis dijual dan tidak dituntut akan turut disedekahkan ke rumah anak yatim," kata Amirul Firdaus, Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik.

Penyembelihan Ayam Secara Halal

Pemakanan yang bersih, baik dan halal adalah di antara faktor utama yang membentuk kesihatan fizikal dan perkembangan minda seseorang insan. Di samping itu, Islam telah meletakkan prinsip keadilan dan ketakwaan pada setiap proses penyediaan makanan bermula daripada peringkat awal lagi termasuklah sewaktu proses penyembelihan haiwan lagi. Sehubungan itu, pada 30 Julai 2010 yang lalu, Fakulti Informatik menerusi Persatuan Mahasiswa FIT dengan kerjasama Pusat Islam telah menganjurkan program penyembelihan ayam mengikut syariat Islam. Program ini menerangkan secara ringkas mengenai adab, prinsip dan teknik sembelihan yang betul mengikut garis panduan ajaran agama Islam yang turut dibuat amali mengenai pelaksanaan penyembelihan ayam. Ceramah dan praktikal dibuat di belakang Masjid UniSZA bermula jam 9 pagi dan berakhir jam 12.00 tengahari, dibawah bimbingan serta tunjuk ajar Ustaz Suhaimi Mohd, pegawai daripada Pusat Islam UniSZA.

Program ini telah disertai oleh seramai 40 orang pelajar Fakulti Informatik dan dipecahkan kepada 8 kumpulan dengan setiap kumpulan diberi tugas membuat sembelihan ke atas 2 ekor ayam. Ayam yang disembelih kemudian dibersihkan oleh ahli kumpulan masing-masing. Seterusnya pada sesi malam, semua peserta bersama-sama menyediakan dan menikmati jamuan BBQ ayam yang telah disembelih tersebut. Pengalaman pertama menyertai program sembelihan ayam tersebut bukan sahaja berjaya memberi pengetahuan dan keyakinan kepada peserta untuk memproses sendiri ayam, tapi ia turut merapatkan ukhuwwah antara pelajar baru dengan pelajar lama.





Wrinkled Hornbill *Rhyticeros corrugatus*

While hornbills are often associated with the island of Borneo, many do not realise that Terengganu has more species of hornbills than Sarawak. Terengganu has nine species of this beautiful bird. Three types of hornbills can be seen around Kuala Terengganu, but to see all nine, you must go to Lake Kenyir.

Lake Kenyir is fast becoming known as one of the best places to observe hornbills in the wild. Hornbills are large, colourful, noisy birds that live in tropical forests. They are interesting for many reasons. Hornbills are a very important part of the ecosystem. As fruit eaters and flyers of great distances, hornbills are one of the few animals responsible for distributing plant and tree seeds throughout the forest. They help regenerate our forest and have long been called the 'farmers' of the forest.

Hornbills also have a very interesting way of nesting. They do not build a traditional nest of sticks like most other birds, rather, they make use of natural holes in old growth forest trees. Once a suitable site is found, the hornbills will use the same tree for years to come. In Terengganu, most hornbills nest from February to May. During this

The Hornbills of Terengganu

Anuar McAfee

Faculty of Languages and Communication

time, the female will enter the natural tree cavity and seal the opening to prevent predators from entering. Here the female will remain for up to four full months. The male must spend each day over this time searching for food for itself, the adult female, and the growing chick inside the nest cavity. The male hornbill spends a good part of each day collecting mostly fruits that it stores in a pouch in its throat. It flies back to the nest after collecting over a hundred such fruits, and passes them, one by one, to the hungry birds inside through a narrow opening left when the nest was sealed.

Most hornbills in Malaysia are threatened, with their numbers decreasing rapidly. The main reason for this is loss of habitat. We should all be concerned. Hornbills need the old growth tropical forests to survive, as they only nest in older trees with large natural cavities. If we cut down these trees, the birds will no longer be able to nest. There will no longer be hornbills around to regenerate the forest by spreading seeds. With nature's best farmers gone, our forests will slowly disappear as well.



Wreathed Hornbill *Rhyticeros undulatus*



Rhinoceros Hornbill *Buceros rhinoceros*




Black Hornbill *Anthracoceros malayanus*



Great Hornbill *Buceros bicornis*




Oriental Pied Hornbill *Anthracoceros albirostris*



Helmeted Hornbill *Rhinoplax vigil*



Great Hornbill *Buceros bicornis*
Male bringing food to nest



Bushy-crested Hornbill *Anorrhinus galeritus*



White-crowned Hornbill *Berenicornis comatus*



Hari Melihat Anak Bulan Syawal 1431H

Pada 8 September 2010 bersamaan 29 Ramadhan 1431H, pihak berkuasa dikebanyakannya negara Islam sibuk membuat persiapan bagi menentukan tarikh 1 Syawal, iaitu tarikh sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.



Balai Cerap Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Merang, Setiu, ialah salah satu daripada empat tempat di Terengganu yang menjadi tumpuan untuk melihat anak bulan (hilal) bagi menentukan tarikh 1 Syawal. Rukyah hilal Syawal dibuat pada waktu petang di 28 lokasi yang ditetapkan bagi melihat anak bulan Syawal diseluruh negara. Ahli jawatankuasa yang ditugaskan untuk melihat anak bulan Syawal bagi Balai Cerap UniSZA berkumpul pada jam 5.30 petang untuk memulakan tugas yang dijangka selesai selepas Maghrib.

Berdasarkan data ijtimak awal untuk Syawal, pemisahan bulan lama dan baru bermula jam 6.30 minit petang pada 29 Ramadhan dengan bulan dijangka terbenam jam 7.00 petang dan matahari pada 7.11 petang. Dapat dijangkakan anak bulan (hilal) tidak kelihatan dan Ramadhan digenapkan kepada 30 hari dan 1 Syawal bermula pada 10 September. Umur bulan pula boleh dikira daripada masa pemisah hingga matahari terbenam. Pemisahan bulan lama dan baru ketika matahari terbenam petang ini membolehkan umur hilal diketahui iaitu 0.50 jam.

Semua ahli jawatankuasa akan mula mencerap anak bulan selepas semua peralatan siap sedia dipasang oleh pihak Jabatan Ukur & Pemetaan Malaysia (JUPEM). Program ini telah berakhir dengan jayanya dan laporan kenampakan anak bulan dihantar ke Bukit Besar, Kuala Terengganu yang bertindak sebagai pusat maklumat bagi Negeri Terengganu. Program seumpama ini akan diteruskan pada bulan-bulan yang akan datang bagi mendapatkan sebanyak mungkin data kenampakan anak bulan di

Balai Cerap UniSZA.



Graduan Konvokesyen Kedua Universiti Sultan Zainal Abidin, 26-27 Julai 2010

Fakulti	Program	Jumlah
Pengajian Kontemporari Islam	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah) dengan Kepujian	55
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) dengan Kepujian	38
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian	68
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Kepujian	51
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin dengan Kaunseling) dengan Kepujian	12
	Diploma Pengajian Islam (Al-Quran dan As-Sunnah)	32
	Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab dan Kesusasteraan Arab)	24
	Diploma Pengajian Islam (Dakwah)	26
	Diploma Pengajian Islam dengan Teknologi Maklumat	18
	Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam)	17
	Diploma Pengajian Islam (Sejarah dan Tamadun Islam)	18
	Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (Pendidikan Islam)	86
	Diploma Pengajian Islam (Syariah)	24
	Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)	31
Jumlah		500
Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	22
	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian	26
	Diploma Kewangan	12
	Diploma Pemasaran	32
	Diploma Pengajian Bank	14
	Diploma Pengajian Insurans	13
	Diploma Pengurusan Sumber Manusia	32
	Diploma Perakaunan	28
	Diploma Perdagangan Antarabangsa	33
	Jumlah	212
Perubatan dan Sains Kesihatan	Diploma Radiografi	12
	Diploma Sains Kejururawatan	46
	Diploma Teknologi Makmal Perubatan	13
	Jumlah	71
Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa	Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian	19
	Diploma Undang-Undang	43
	Jumlah	62
Bahasa dan Komunikasi	Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL)	45
	Diploma Bahasa Arab dengan Pendidikan	4
	Jumlah	49
Informatik	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan Kepujian	18
	Diploma Teknologi Maklumat	15
	Diploma Teknologi Multimedia	15
	Jumlah	48
Rekabentuk Inovatif dan Teknologi	Diploma Rekabentuk Perindustrian	14
	Diploma Teknologi Pembuatan	24
	Jumlah	38
Pertanian dan Bioteknologi	Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian	23
	Jumlah	23
JUMLAH KESELURUHAN		1003

Pengurusan Tertinggi Universiti Sultan Zainal Abidin

YBhg. Dato' Profesor Dr. Alias Daud
Naib Canselor

Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Abdul Manaf Ali
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Pendaftar

En. Baharin Salim @ Abdullah
Bendahari

Sidang Pengarang Buletin UniSZA

Azizah Endut
Editor
Pusat Penerbitan/
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Editor Bahasa Inggeris
Pusat Penerbitan/
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Ahli Sidang Pengarang

Dr. Abdul Hakim Abdullah
Pegawai Khas, Naib Canselor

Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Prof. Madya Dr. Nashriyah Mat
Fakulti Pertanian dan Bioteknologi

Ismail Musa
Bahagian Pengurusan Akademik

Rosliza Abdul Razak
Unit Komunikasi Korporat

Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Unit Komunikasi Korporat

Zurina Mansor
Setiausaha
Pusat Penerbitan

Buletin UniSZA diterbitkan dua kali setahun, mulai Julai 2010 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.
Hak cipta © 2010
Editor, Pusat Penerbitan
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-665 3608 Faks: 09-667 3896
Emel: zurina@udm.edu.my, aniruzurina@yahoo.com
Laman web: http://unisza@edu.my

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Jil. 3

- The Construction and Validation of a School Quality Management Scale for Quality Improvement in School Management
Zulkifli A. Manaf, Lee See Seng
- Pembentukan Tingkah Laku Remaja Menurut Barat dan Islam
Khalim Zainal, Aminuddin Basir@ Ahmad, Akila Mamat
- Perbandingan Amalan Dhikr Ism al-Dhat Menurut al Qushayri dan al-Ghazali
Syed Hadzrullah Syed Omar, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Rohaizan Baru
- نکاح المتعمة من منظار أهل السنة والجماعة والشيعة الإمامية
Rohaizan Baru & Majed Muhammad Abdoh
- Hukum Penglibatan Orang Islam dalam Perayaan Bukan Islam dalam Konteks Malaysia
Basri Ibrahim
- Tanggapan Usahawan terhadap Zakat Perniagaan Berbanding Cukai Pendapatan Perniagaan di Terengganu
Zaharah Salwati Baba, Hashim Jusoh, Habsah Muda, Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman
- Muhammad bin Ishaq Menurut Perspektif Nuqqad dan Muhadithin
Fauzi Deraman, Ahmad Saifuddin Yusuf



Penyumbang Bahan

- Jabatan Pendaftar
- Unit Komunikasi Korporat
- Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan
- Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Fakulti Rekabentuk dan Teknologi Inovatif
- Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
- Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Informatik
- Pusat Teknologi Maklumat
- Unit Falak FKI
- Pusat Kesihatan
- Pusat Penataran Ilmu
- Pusat Pengurusan Pascasiswazah
- Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
- Unit Perancang Korporat
- Pusat Pembangunan Akademik
- Pusat Pengembangan & Khidmat Komuniti